

27/11/1997

Usaha pulih ekonomi

PAPAR, Rabu - Kerajaan kini melaksana pelbagai usaha memulihkan semula ekonomi negara dan matlamat itu dijangka dicapai dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi, kata Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri, Datuk Abdul Rahim Ismail.

Beliau berkata pimpinan negara khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mampu melakukan sesuatu untuk membangunkan semula ekonomi negara yang mengalami kejatuhan nilai ringgit.

"Walaupun kerajaan menerima pelbagai cabaran membabitkan ekonomi khususnya kejatuhan nilai ringgit ketika ini, tetapi kerajaan masih mampu memberi bantuan subsidi untuk keperluan rakyat seperti gula dan tepung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Sekolah Ugama Islam Kampung Kelanahan dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) kemas di Kampung Takis, dekat sini.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan hadiah kepada pelajar prasekolah cemerlang terbabit.

Menurutnya, kejatuhan nilai ringgit Malaysia sehingga 30 peratus disebabkan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang sengaja mahu menjejaskan ekonomi negara dan ia adalah cabaran yang berat untuk diatasi.

Begitupun, katanya, beliau yakin keadaan itu hanya bersifat sementara dan ekonomi negara akan segera pulih.

"Apa yang sebenarnya berlaku ialah hanya kejatuhan nilai ringgit tetapi ia tidak dirasakan penduduk luar bandar kerana kerajaan masih mampu menangani masalah itu," katanya.

Sehubungan itu, rakyat diingatkan supaya sentiasa bersabar.

(END)